

MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2024

PERATURAN PEMARKAHAN
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2024

Bahagian A

1. Taubat
2. Akal
3. Al-Rahnu
4. Perpaduan
5. Qadar / Qadak
6. Ihsan
7. Inovatif
8. Pencegahan
9. P = Peranan sebagai khalifah / Keseimbangan / Rahmat sekalian alam
10. Q = Keseimbangan / Rahmat sekalian alam / Peranan sebagai khalifah
11. R = Rahmat sekalian alam / Peranan sebagai khalifah / Keseimbangan
12. S = Makan bersama / Meraikan kejayaan
13. T = Meraikan kejayaan / Makan bersama
14. U = Al-Murabahah
15. V = Al-Ijarah
16. W = Al-Musarakah
17. ✓
18. X
19. X
20. ✓

Bahagian B

(1)	(a)	(i)	Senaraikan dua rukun iman yang anda ketahui selain beriman kepada rasul.	[2 markah]
			- Beriman kepada Allah SWT - Beriman kepada Malaikat - Beriman kepada Kitab-Kitab-Nya - Beriman kepada Hari Akhirat - Beriman kepada Qada' dan Qadar	2 isi × 1m =2m
		(ii)	Bagaimanakah cara anda beriman kepada nabi dan rasul.	[4 markah]
			Cadangan jawapan: Saya beriman kepada Nabi dan Rasul dengan cara mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian(F).Sebagai contoh memuliakan tetamu(H1) agar hubungan silaturrahim dapat dieratkan(H2).Oleh itu,kita hendaklah sentiasa menjadikan amalan nabi dan rasul sebagai ikutan agar mendapat pahala(K). Cadangan isi : 1. Sentiasa berselawat 2. Menjadikan nabi dan rasul sebagai idola 3. Menjauhi perkara yang dilarang oleh nabi dan rasul	
	(b)	(i)	Jelaskan dua prinsip Alamiyyah.	[4 markah]
			- Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian(1m) supaya sentiasa bersyukur(1m) - Nilai keadilan Islam bersifat sejagat(1m) supaya keamanan dapat dinikmati(1m) - Islam sentiasa menegakkan kebenaran(1m) supaya tiada penindasan(1m) - Islam mencegah kemungkaran (1m) supaya dapat hidup dalam aman harmoni(1m)	2 isi × 2m =4m

			- Islam menjamin hak asasi manusia(1m) seperti hak mendapat pendidikan(1m)	
		(ii)	Huraikan dua cara Islam mengatasi masalah tersebut dalam komuniti Islam.	[4 markah]
			- Islam menganjurkan manusia menghubungkan silaturrahim sesama insan(1m) seperti ziarah menziarahi - Islam menggalakkan umatnya menghormati antara satu sama lain(1m) agar hubungan menjadi erat(1m) - Islam menyuruh umatnya bertegur sapa(1m) untuk saling berkenalan(1m) - Islam menggalakkan umatnya saling membantu(1m) agar meringankan beban antara satu sama lain(1m)	2 isi × 2m =4m
	(c)	(i)	Nyatakan pengertian pekerjaan.	[2 markah]
			Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta(1m) secara halal(1m).	2 isi × 1m =2m
		(ii)	Terangkan dua kesan pengabaian sistem ekonomi Islam terhadap umat Islam.	[4 markah]
			- Amalan riba berleluasa dalam kalangan umat Islam(1m) kerana golongan kaya menindas golongan miskin(1m) - Nilai-nilai moral dalam masyarakat akan terhakis(1m) kerana berleluasanya gejala rasuah, dan penipuan (1m) - Pengagihan harta yang tidak adil dalam kalangan umat (1m) kerana ekonomi tertumpu kepada kelompok atasan sahaja(1m) - Keharmonian hidup bermasyarakat akan terjejas(1m) kerana rakyat mementingkan diri sendiri(1m)	2 isi × 2m =4m

(2)	(a)	(i)	Senaraikan empat alam yang akan dilalui oleh manusia kecuali alam dunia .	[4 markah]
			- Alam roh - Alam rahim - Alam barzakh/alam kubur - Alam akhirat	4 isi × 1m =4m
		(ii)	Terangkan dua tindakan yang perlu dilakukan untuk memelihara fitrah kejadian insan.	[4 markah]
			- Sentiasa menjaga tingkah laku/ berakhlak mulia dalam kehidupan (1m) agar dipandang tinggi(1m) - Bersifat reda dengan ketentuan Allah SWT(1m) supaya hidup diberkati(1m) - Melaksanakan amanah dengan sempurna (1m)agar hidup dirahmati(1m) - Mengambil berat/membantu rakan(1m) supaya mereka sentiasa positif melakukan kebaikan(1m) Catatan : mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi × 2m =4m
	(b)		Nyatakan keistimewaan al-Quran.	[2 markah]
			- Kandungan al-Quran benar/tidak ada keraguan(1m) kerana datangnya dari Allah SWT(1m) - Kandungan dan hukum al-Quran kekal(1m) sehingga hari kiamat(1m) - Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek (1m) seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain-lain(1m) - Membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah(1m) bagi mendapat pahala(1m)	1 isi × 2m =2m

	(c)		Terangkan dua keburukan sistem ekonomi konvensional	[4 markah]
			- Pengagihan harta yang tidak adil(1m) kerana hanya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja(1m) - Matlamat negara untuk mencapai rahmat dan keampunan Allah SWT tidak tercapai(1m) kerana mengamalkan larangan Allah SWT(1m) - Nilai-nilai moral terhakis(1m) kerana terdapat penindasan dan kezaliman(1m) - Ekonomi sesebuah negara akan hancur(1m) kerana mengamalkan rasuah(1m) - Keharmonian hidup bermasyarakat akan terjejas(1m) kerana tidak berpuas hati(1m) - Amalan riba berleluasa (1m) menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin ditindas (1m)	2 isi × 2m =4m
	(d)	(i)	Nyatakan dua matlamat perundangan Islam yang boleh dikaitkan dengan gambar di atas	[2 markah]
			- Memelihara akal - Memelihara nyawa - Memelihara keturunan	2 isi × 1m =2m
		(ii)	Pada pandangan anda,apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut.	[4 markah]
			Cadangan jawapan: Sentiasa menjauhi larangan Allah(F) seperti perbuatan minum arak(H) kerana boleh menyebabkan akal tidak waras(H1).Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan cara hidup Islam supaya bahagia di dunia dan akhirat.(K)	

			Cadangan isi: - Mentaati perintah Allah SWT - Mengambil makanan yang halal - Menjauhi tempat maksiat - Mengamalkan cara hidup sihat	
--	--	--	---	--

3	(a)	(i)	Nyatakan dua sumber rujukan sistem sosial Islam.	[2 markah]
			- Al-Quran - Al-Hadis - Al-Ijmak - Al-Qias	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Perlindungan nyawa merupakan salah satu daripada hak asasi manusia. Bagaimana cara Islam menjamin perlindungan nyawa seseorang?	[2 markah]
			- Islam meletakkan nyawa manusia sebagai suatu yang sangat berharga(1m) untuk dijaga dengan baik(1m) - Melalui pelaksanaan undang-undang Islam (1m) seperti qisas(1m) - Islam menyuruh umatnya makan makanan yang berkhasiat(1m) supaya kesihatan badan terpelihara(1m) - Islam melarang perbuatan membahayakan diri(1m) seperti merempit(1m) - Islam melarang perbuatan bunuh diri / bunuh orang lain (1m) kerana berdosa besar (1m)	1 isi x 2m = 2m
	(b)	(i)	Perkembangan penghasilan video muzik menjadi ibadah dalam kehidupan remaja muslim. Adakah anda bersetuju ?	[1 markah]
			- Saya setuju / tidak setuju	1 isi x 1m = 1m

		(ii)	Berikan hujah anda bagi menyokong jawapan anda di atas .	[5 markah]
			Cadangan jawapan setuju : Penghasilan video lagu-lagu berunsurkan ketuhanan yang mengagungkan Allah SWT(I1) dapat meningkatkan keimanan remaja(H1).Kesannya,remaja dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah ketika menghiburkan hati(H2) contohnya alunan Qasidah (H3).Oleh itu,kita hendaklah bijak memilih hiburan yang digariskan oleh Islam agar hidup tidak terjerumus ke dalam perbuatan sia-sia(K) Cadangan isi : - Mencipta video muzik Islamik untuk pembelajaran - Berkongsi video muzik pembentukan akhlak mulia - Menyebarkan video muzik keilmuan Cadangan jawapan tidak setuju : Muzik adalah sesuatu perkara yang melalaikan (I1). Hal ini kerana, boleh menyebabkan segelintir remaja lalai dalam melakukan ibadah (H1). Kesannya, akan menyebabkan segelintir remaja tidak mengambil berat tentang solat (H2) seperti solat di akhir waktu (H3). Oleh itu, kita hendaklah mencari muzik yang mengikut kehendak syarak agar menambahkan keimanan (K). Cadangan isi : - Muzik yang mengandungi unsur maksiat - Muzik yang bertentangan hukum syarak - Muzik yang tidak mengikut adab dalam berhibur	
	(c)	(i)	Senaraikan dua etika tadbir urus Islam.	[2 markah]
			- Intergriti - Efektif - Amar Makruf Nahi Mungkar - Sistematis	2 isi x 1m = 2m

		(ii)	Terangkan dua kepentingan melaksanakan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara.	[4 markah]
			- Mewujudkan pentadbiran negara yang efektif(1m) supaya menjadi contoh kepada negara lain(1m) - Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur(1m) kerana mengikut prinsip Islam(1m) - Meneladani tadbir urus negara seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW(1m) kerana menepati syarak(1m) - Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien(1m) sehingga dapat menghasilkan impak yang cemerlang(1m)	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Sebagai seorang majikan, huraikan dua langkah bagi menjaga kebajikan setiap pekerja.	[4 markah]
			- Meluluskan cuti sakit(1m) sekiranya pekerja tidak sihat(1m) - Membuat kutipan derma(1m) ketika pekerja ditimpa musibah(1m) - Membayar upah/gaji(1m) setimpal dengan kerja yang dilakukannya(1m) - Menjaga keselamatan pekerja(1m) supaya tidak ditimpa kemalangan sepanjang bekerja(1m) Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

4.	a)	(i)	Nyatakan maksud ibadah.	[2 markah]
			- Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang Ikhlas(1m) semata-mata kepada Allah SWT(1m).	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Senaraikan empat golongan yang berhak menerima zakat.	[4 markah]
			- Fakir - Miskin - Amil - Riqab - Muallaf - Gharimin - Fisabilillah - Ibnu sabil	4 isi x 1m = 4m
		(iii)	Huraikan dua kepentingan ibadah puasa terhadap diri pelajar.	[4 markah]
			- Mendidik hawa nafsu(1m) supaya sentiasa mentaati Allah(1m) - Merasai kesusahan orang miskin(1m) supaya dapat menginsafi diri(1m) - Dapat merehatkan sistem pencernaan/penghadaman (1m) agar kesihatan terjamin Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m = 4m
	(b)		Jelaskan dua ciri muamalat Islam.	[4 markah]
			- Bersumberkan al-Quran dan Hadis(1m) supaya tidak ada keraguan(1m) - Reda-meredai antara kedua belah pihak(1m) seperti tiada paksaan dalam jual beli(1m)	2 isi x 2m = 4m

			- Adil dan mendatangkan manfaat(1m) kerana tidak berlaku penindasan(1m) - Tidak melakukan penipuan(1m) seperti manipulasi harga barang(1m)	
	(c)	(i)	Nyatakan dua jenis muamalat yang berkaitan dengan gambar di atas.	[2 markah]
			- Al-Murabahah - Al-Ijarah - Al-Bai' bithaman Ajil	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Pada pendapat anda apakah kelebihan muamalat tersebut kepada umat Islam.	[4 markah]
			Cadangan jawapan: Mendapat keberkatan rezeki daripada Allah (F). Hal ini kerana ia tidak ada unsur yang haram seperti riba.(H1) Kesannya tiada penindasan dalam masyarakat.(H2) Oleh itu umat Islam hendaklah melaksanakan muamalat Islam supaya berjaya di dunia dan akhirat(K). Cadangan isi : - Mendapat ganjaran pahala - Saling bantu-membantu - Masyarakat hidup aman - Tiada penindasan / riba - Ringankan beban - Meningkatkan ekonomi / pendapatan tambahan umat Islam	

5.	(a)	(i)	Jelaskan dua perbuatan yang merosakkan akal manusia.	[4 markah]
			- Penyalahgunaan bahan terlarang(1m) seperti dadah(1m) - Gejala negatif dan maksiat(1m) seperti membaca atau menonton bahan lucah(1m) - Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan(1m) seperti arak(1m) - Berfikir perkara di luar kemampuan akal(1m) seperti memikirkan tentang zat Allah SWT(1m) # perbuatan mencuri / maksiat x diterima	2 isi x 2m = 4m
		(ii)	Akal manusia memerlukan bimbingan wahyu bagi menjauhi perkara mungkar seperti riba. Bincangkan.	[6 markah]
			Cadangan jawapan: Akal manusia terbatas (F). Hal ini kerana akal tidak mampu memikirkan kebenaran sesuatu perkara tanpa rujukan wahyu (H1) seperti al-Quran.(H2) Kesannya manusia akan terpelihara daripada melakukan maksiat(H3) yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah(H4).Oleh itu umat Islam hendaklah berpegang teguh dengan ajaran Islam supaya mendapat ganjaran syurga (K). Cadangan isi : - Berpegang teguh dengan al-Quran dan hadis - Sentiasa taat perintah Allah - Menjauhi perbuatan maksiat	
	(b)	(i)	Jelaskan dua matlamat sistem kehakiman Islam	[4 markah]
			- Menegakkan keadilan(1m) supaya semua pihak berpuas hati(1m) - Menentang kezaliman(1m) agar masyarakat terpelihara(1m)	2 isi x 2m = 4m

			- Membela orang yang dizalimi(1m) agar tidak berdendam(1m)	
		(ii)	Nyatakan dua kesalahan dalam hukuman hudud	(2 markah)
			- Zina - Qazaf - Minum arak - Mencuri - Merompak - Murtad	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	Terangkan dua peranan hakim dalam sistem kehakiman Islam.	[4 markah]
			- Menjatuhkan hukuman / membuat keputusan secara adil/saksama/setimpal dengan kesalahan(1m) tanpa mengira pangkat, kedudukan dan hubungan(1m) - Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang(1m) bukannya dalam keadaan marah(1m) - Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah(1m) supaya jenayah dapat dibendung(1m) - Membebaskan tertuduh jika didapati terdapat keraguan(1m) dari segi bukti dan hujah(1m)	2 isi x 2m = 4m

6	(a)	(i)	Nyatakan dua prinsip pergaulan Islam	[4 markah]
			- Bermatlamatkan keimanan(1m) bagi meningkatkan ketakwaan kepada Allah(1m) - Berlandaskan syariat Islam/Al-Quran dan As-Sunnah agar mengikut perintah Allah(1m) - Memberikan panduan berinteraksi/berkomunikasi sesama manusia(1m) berdasarkan ajaran Islam(1m) - Menghormati antara satu sama lain(1m) agar terjalin ukhwah yang erat(1m)	2 isi x 2m = 4m

			- Bekerjasama dalam perkara kebaikan/kebenaran(1m) seperti membantu golongan memerlukan(1m) - Mencegah kemungkaran/kejahatan(1m) agar tidak mendapat kemurkaan(1m) - Mengutamakan keamanan/keharmonian(1m) supaya tidak wujud permusuhan(1m)	
		(ii)	Terangkan dua tindakan yang boleh diambil bagi membendung gejala sosial dalam pergaulan di sekolah.	[4 markah]
			- Memberi didikan agama(1m) supaya dapat membezakan antara hak dan batil(1m) - Mengadakan ceramah/kaunseling tentang adab pergaulan (1m) seperti menjaga batas aura (1m) - menguatkuasakan peraturan disiplin di sekolah (1m) agar batas pergaulan lelaki dan perempuan dapat dijaga(1m) - Memberi nasihat/teguran(1m) agar mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan(1m) - Ibu bapa memantau/mengawasi gerak geri pelajar(1m) seperti dengan siapa mereka berkawan(1m) Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m = 4m
	(b)		Jelaskan bagaimana seni fotografi dapat menambah keimanan seseorang.	[2 markah]
			- Merakam pemandangan indah (1m) yang boleh membuktikan kekuasaan Allah SWT(1m) - Mensyukuri nikmat kurniaan Allah(1m) sebagai pencipta(1m)	1 isi x 2m = 2m

	(c)	(i)	Apakah maksud Negara Islam?	[2 markah]
			- Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbiran tunduk kepada hukum Islam(1m) bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijthad yang sebenar(1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Nyatakan dua prinsip Negara Islam	[2 markah]
			- Musyawarah /al-Syura - Keadilan /al-Adalah - Kebebasan /al-Hurriyyah - Persamaan /al-Musawah	2 isi x 1m = 2m
	(d)	(i)	Nyatakan ciri pemimpin yang baik selain daripada gambar rajah di atas.	[1 markah]
			- Amanah/Jujur/Intergriti - Ikhlas menjalankan tugas - Berwawasan/Berilmu - Bersifat adil/Saksama - Berilmu/Inovatif/Kreatif - Dinamik/Cekap mentadbir - Pemurah Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	1 isi x 1m = 1m
		(ii)	Berdasarkan jawapan anda, kemukakan hujah mengapakah seseorang pemimpin perlu memiliki ciri tersebut.	[5 markah]
			Cadangan Jawapan: Hujah saya ialah pemimpin akan menjadi idola kepada rakyat (F) kerana mengagihkan bantuan zakat dengan adil (H1) tanpa mengira bangsa dan kedudukan(H2) . Hal ini menyebabkan wujud rasa hormat terhadap pemimpin dalam	

			kalangan rakyat. (H3) Kesannya.,masyarakat akan hidup dalam keadaan aman kerana tiada persengketaan(K) Cadangan isi: - Negara akan menjadi aman - Masyarakat hidup harmoni - Perpaduan dapat diwujudkan Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	
--	--	--	--	--